

Kerajaan Komited Untuk Terus Bangunkan Industri Pelancongan Dengan Sektor Swasta
Bername
09 November, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kerajaan komited untuk mengembangkan selanjutnya industri pelancongan bersama dengan sektor swasta, kata Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri, Jumaat.

Beliau berkata, hari ini Malaysia mempunyai kedudukan yang kukuh dalam pelancongan global dan merupakan negara kesembilan paling banyak dikunjungi di dunia, dengan nilai purata penerimaan pelancong RM1 bilion seminggu daripada pelawat asing.

"Kerajaan menetapkan sasaran 36:168 bagi 2020. Dalam tahun 2020, Malaysia dijangka menerima 36 juta pelancong dan nilai pelancongan berjumlah RM168 bilion.

"Ini bererti industri ini akan berkembang sebanyak tiga kali dan pelancongan akan menyumbang RM3 bilion seminggu kepada negara ini pada 2020," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Presiden Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) ke-56.

Abdul Rahim menyuarakan keyakinan dapat mencapai sasaran itu kerana Malaysia terletak dalam rantau Asia Pasifik yang dihuni lebih empat bilion orang, iaitu bersamaan kira-kira 62 peratus jumlah penduduk dunia kerana penerbangan diiktiraf dengan meluas sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708269>